

125

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**KAWASAN : SELAYANG**  
**TARIKH : 9 NOVEMBER 2017**  
**NO. SOALAN : 52**

**YB WILLIAM LEONG JEE KEEN** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mempertahankan Malaysia dari dakwaan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump bahawa Malaysia adalah antara "penipu perdagangan" yang didakwa bertanggungjawab terhadap defisit perdagangan Amerika Syarikat sebanyak AS\$50 bilion.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dakwaan Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump terhadap Malaysia sebagai salah satu "penipu perdagangan" adalah tidak benar. Malah, pentadbiran AS sehingga kini, masih belum mengeluarkan hasil laporan rasmi kepada umum mengenai defisit perdagangan AS dan rakan-rakan dagangnya (*Omnibus Report on Significant Trade Deficit*). Untuk makluman, laporan yang disediakan oleh Jabatan Perdagangan (*Commerce Department*) dan Pejabat

Wakil Perdagangan AS (*United States Trade Representatives Office*) telah dihantar ke Rumah Putih untuk pertimbangan Presiden Trump semenjak 29 Jun 2017.

2. Semasa mesyuarat delegasi di Rumah Putih pada 12 September 2017 sempena Lawatan Kerja ke AS yang lalu, YAB Perdana Menteri dan saya telah memberikan penjelasan kepada Presiden Trump dan Menteri-menteri Kabinet AS berhubung isu defisit perdagangan AS dengan Malaysia. Statistik perdagangan Malaysia merekodkan AS hanya mempunyai defisit perdagangan sebanyak USD5 bilion dengan Malaysia sedangkan statistik AS menunjukkan defisit sebanyak USD25 bilion.
3. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri dan saya juga telah menerangkan bahawa perbezaan data ini adalah disebabkan pihak AS mengambil kira import melalui negara ketiga. Contohnya, barangan elektrik dan elektronik yang dieksport ke AS melalui Singapura direkodkan sebagai import dari Malaysia, bukannya Singapura.
4. Malah, kaedah pengiraan jumlah eksport Malaysia juga berbeza dengan AS dimana Malaysia menggunakan kaedah *Free on Board (FOB)*, yang tidak mengambil kira kos perkapalan dan insuran. Manakala AS pula menggunakan kaedah *Cost, Insurance and Freight (CIF)* yang mengambil kira kesemua kos yang terlibat di dalam penghantaran barangan dari Malaysia sehingga ia sampai ke AS.

5. Presiden Trump dan Menteri-menteri Kabinet AS juga dimaklumkan bahawa syarikat-syarikat AS yang berpangkalan di Malaysia kebanyakannya mengeksport barangan elektrik dan elektronik (E&E). Tambahan pula, lima (5) daripada 10 pengeksport E&E utama di Malaysia merupakan syarikat AS yang mengeksport produk keluaran mereka ke serata dunia termasuklah ke AS.
6. Saya ingin berkongsi intipati perbualan semasa pertemuan dengan Setiausaha Perdagangan AS Wilbur Ross pada 11 September 2017. Beliau juga telah menerangkan bahawa penyenaaraian Malaysia di dalam senarai negara-negara di mana AS mengalami defisit perdagangan bukanlah satu pertuduhan bahawa Malaysia adalah sebuah negara penipu perdagangan (*trade cheat*), tetapi lebih kepada untuk merujuk kepada perhitungan ketidakseimbangan dagangan AS dengan Malaysia.
7. Selaras dengan ini, kedua-dua negara telah bersetuju supaya Perjanjian Rangkakerja Perdagangan dan Pelaburan (*Trade and Investment Framework Agreement – TIFA*) dijadikan sebagai platform untuk menyelesaikan isu-isu perdagangan dan pelaburan dua hala. TIFA juga dilihat sebagai pendekatan yang strategik untuk Malaysia bagi memastikan AS mendapat gambaran yang sebenar berhubung isu ketidakseimbangan perdagangan yang didakwa oleh negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Secara kesimpulannya, Malaysia bukanlah "penipu perdagangan" seperti yang didakwa oleh AS. Malaysia adalah salah satu negara

perdagangan terbesar di dunia yang menjalankan aktiviti perdagangan antarabangsa secara adil dan saksama. Malah, Kerajaan Malaysia juga tidak memanipulasi mata wang atau memberi sebarang bantuan yang menyalahi undang-undang antarabangsa termasuk yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).